

# RAPTAI PEMBUKAAN LIMA19

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4700-raptai-pembukaan-lima19](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4700-raptai-pembukaan-lima19)

LANGKAWI, 24 Mac 19 - Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Haji Zulkifli Bin Haji Zainal Abidin tiba di Langkawi pagi ini diiringi Panglima Tentera Udara, Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM bagi menyaksikan raptai penuh pembukaan Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi Ke-15 (LIMA) 2019.

Opening Gambit yang akan melibatkan beberapa jenis pesawat dari TUDM iaitu Sukhoi, F/A - 18D Hornet, BAE Hawk 108/208, A400M, PC 7 Mk II Helikopter EC-725 dan S61A-4 Nuri akan menjadi gimik pembukaan pada 26 Mac 19 ini.

Acara yang akan berlangsung di MIEC dan Resort Wold Langkawi dari 26 hingga 30 Mac ini telah memasuki edisi ke-15 melibatkan penganjuran bersama oleh Kementerian Pertahanan dan Kementerian Pengangkutan.



